

Kod Etika **UNIMAS**





Kod Etika UNIMAS

SIDANG EDITORIAL

PENASIHAT

Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Haji Suaidi
Naib Canselor UNIMAS

PENGERUSI

Haji Abu Bakar bin Ibrahim
Pendaftar

AHLI JAWATANKUASA

Nasriman bin Abdul Rahman
Saptuyah bt Haji Mahmud
Mavis Goh
Za Zeyriqa binti Joji

REKA LETAK

Mohamad Nazri bin Mario

PEREKA KULIT

Haidher b Ahmad

ISI KANDUNGAN

BIL	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	Kata Aluan	
	a. Naib Canselor	3
	b. Pendaftar	5
2.	Visi & Misi	6
3.	Kod Etika	6
4.	Objektif	7
5.	Skop	8
6.	5 Nilai Utama UNIMAS	8
7.	Tanggungjawab Staf	9
8.	Akauntabiliti	11
9.	Konflik Kepentingan	11
10.	Kewibawaan Peribadi	14
11.	Akta Perlindungan Pemberi Maklumat	18
12.	Penyebaran Fitnah	19
13.	Pematuhan Undang-undang	19
14.	Tindakan kerana Perlanggaran	19
15.	Penutup	20
16.	Rujukan	20



**Yang Berbahagia
Prof Dato' Dr Mohamad Kadim bin Haji Suaidi
Naib Canselor UNIMAS**

1. KATA ALUAN

1.1. Naib Canselor

Sesuai dengan hasrat Universiti ini supaya semua staf, sama ada staf akademik ataupun staf pentadbiran menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap tanggungjawab masing-masing, maka penggubalan kod etika ini adalah penting dan tepat pada masanya. Dengan adanya kod etika ini, maka staf Universiti ini lahir sebagai warga kerja universiti yang bertanggungjawab, berdisiplin, amanah, jujur, komited dan berdedikasi ketika menjalankan tugas.

Sebagai makhluk Allah yang istimewa manusia dianugerahkan akal oleh Allah SWT. Dengan akal tersebut manusia boleh memilih sama ada untuk melakukan kebaikan atau keburukan. Manusia yang cemerlang lahir daripada mereka yang berdisiplin dan sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang. Untuk tujuan tersebut, setiap orang memerlukan kekuatan jiwa yang tinggi serta komitmen yang kukuh supaya terhindar daripada sebarang perlanggaran terhadap kod etika.

Selain daripada itu, kod etika staf yang diwujudkan ini boleh menjadi panduan berguna kepada semua staf untuk memahami tugas dan tanggungjawab mereka sebagai warga kerja yang berkualiti. Dengan demikian, mereka semua akan menjalankan tugas masing-masing dengan adil serta terhindar daripada sebarang unsur penyelewengan dan kepentingan diri.

Universiti mempunyai harapan yang tinggi terhadap semua staf bagi melaksanakan visi, misi dan objektif penubuhan universiti.



Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Haji Suaidi
Naib Canselor UNIMAS



**Haji Abu Bakar bin Ibrahim
Pendaftar UNIMAS**

1.2. Pendaftar

Syukur Alhamdulillah, dengan berkat dan rahmatNya, buku kod etika ini dapat diterbitkan dengan jayanya. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku ini. Semangat berpasukan, komitmen pengorbanan dan budaya kecemerlangan yang ditunjukkan oleh semua pihak dalam penerbitan buku ini adalah bertepatan dengan visi dan misi universiti.

Saya melihat tujuan penghasilan buku kod etika ini adalah untuk memberikan maklumat yang tepat kepada semua staf berhubung etika yang perlu diamalkan dalam melaksanakan tugas masing-masing. Walau bagaimanapun garis panduan dalam buku ini akan sentiasa ditambahbaik untuk menjadikan sifat UNIMAS yang lebih proaktif melalui pembangunan strategi yang dinamik supaya halangan-halangan yang mendatang dapat diatasi. Dengan bermotongan "Kontemporari dan Berpandangan Jauh", cabaran ini harus kita sahut dengan berani dan penuh tanggungjawab agar UNIMAS dapat mencapai visi dan misi murninya.

Akhir kata, kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan buku ini, syabas kerana menjayakan buku kod etika UNIMAS. Semoga usaha ini diteruskan dan diberkati oleh Allah SWT.

Sekian.



Haji Abu Bakar bin Ibrahim
Pendaftar

2. VISI & MISI UNIMAS

Visi UNIMAS

Untuk menjadi sebuah universiti contoh serta diiktiraf di peringkat antarabangsa dan sebagai institusi pengajian tinggi yang menjadi pilihan utama golongan pelajar dan akademik melalui pencapaian cemerlang dalam pengajaran, penyelidikan dan kesarjanaan.

Misi UNIMAS

Untuk menjana, menyebar dan menerap ilmu secara strategik dan inovatif bagi memperkasakan kualiti budaya bangsa dan kemakmuran masyarakatnya.

3. KOD ETIKA

Kod Etika Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) adalah satu panduan yang menggabungkan nilai akhlak, perbuatan dan tindakan seragam yang perlu dipatuhi dan dibudayakan oleh warga UNIMAS. Perkara-perkara yang terlibat dalam Kod Etika dan Tatakelakuan UNIMAS adalah tertakluk kepada Undang-undang Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) Akta 2000 [Akta 605], Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU, Pindaan 2012) dan Perlembagaan Universiti Malaysia Sarawak 2010 (Pindaan 2012). UNIMAS telah bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) sempena Hari Integriti UNIMAS 2015, penerbitan buku Kod Etika dan Tatakelakuan UNIMAS ini merupakan usaha yang seterusnya selepas penerbitan Buku Integriti dan hari Pengurusan Kewangan yang telah dilancarkan sebelum ini untuk membuktikan kepatuhan UNIMAS terhadap ikrar yang telah diangkat, Ikrar Integriti Korporat (Corporate Integrity Pledge)

3.1. Ikrar Integriti Korporat UNIMAS (CIP)

CIP merupakan dokumen yang membenarkan sesebuah organisasi korporat membuat komitmen untuk mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah bagi Syarikat Korporat di Malaysia. Dengan ikrar ini, sesebuah organisasi korporat akan membuat keputusan berdasarkan satu pihak (unilateral) bahawa:

- a. Syarikat tidak akan terlibat dalam jenayah rasuah.
- b. Berganding bahu untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah.
- c. Mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah untuk syarikat di Malaysia dalam urusan perniagaan dan interaksinya dengan rakan perniagaan dan juga Kerajaan.

Perjanjian ikrar ini telah dimeterai bersama SPRM pada 2 April 2015 dan warga UNIMAS yang diwakili oleh Naib Canselor UNIMAS.

Perjanjian ikrar adalah seperti yang dilampirkan. (Rujuk muka surat 21)

4. OBJEKTIF

Kod Etika ini bertujuan untuk :

- 4.1. Menanam sikap kerja positif dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan bagi mempertingkatkan kualiti kerja.
- 4.2. Mewujudkan suasana kerja yang ceria, harmoni dan kondusif bagi mempertingkatkan produktiviti, kecemerlangan prestasi staf dan imej Universiti.
- 4.3. Menyemarakkan budaya kerjasama, saksama, muafakat dan berfokus kepada kejayaan kumpulan.

- 4.4. Menghasilkan kerja berkualiti dengan mengamalkan penggunaan sumber yang terancang, cekap dan berkesan.
- 4.5. Menjadikan UNIMAS responsif dan proaktif kepada perubahan yang berlaku sepanjang masa.
- 4.6. Menyokong UNIMAS sebagai universiti komprehensif yang cemerlang.

5. SKOP

Kod Etika ini terpakai bagi semua staf UNIMAS :

- 5.1. Individu yang berkhidmat dan dibayar gaji oleh UNIMAS apabila bekerja untuk Universiti. Kategori ini merangkumi staf akademik, staf kumpulan profesional dan kumpulan sokongan.
- 5.2. Apabila dikehendaki melalui kontrak, konsultansi, vendor dan kontraktor untuk menjalankan sebarang urusan perniagaan dengan Universiti.

6. 5 NILAI TERAS UNIMAS

Nilai-nilai utama UNIMAS telah menjadi tonggak untuk setiap warga UNIMAS dalam menjalankan tugas sehari-hari masing-masing. Kelima-lima nilai tersebut dihayati dan diamalkan secara profesional untuk tugas dalam atau luar. Warga UNIMAS hendaklah menjadikan nilai-nilai utama ini sebagai panduan untuk bersama-sama mencapai visi dan misi universiti.

6.1. Keserakahan

- 6.1.1. Semangat berpasukan yang kuat menjadi sumber motivasi kepada satu sama lain dalam mengejar matlamat bersama.

6.2. Berinovasi

6.2.1. Kreatif dan berusaha untuk bekerja dengan puas hati.

6.3. Tabah

6.3.1. Tidak berputus asa dengan mudah walaupun menghadapi halangan dan cabaran.

6.4. Ikhlas

6.4.1. Pemacu dalaman dan motivasi untuk meneruskan tindakan yang penting bagi UNIMAS tanpa mengira insentif luaran.

6.5. Berintegriti

6.5.1. Memiliki kualiti prinsip-prinsip moral yang kukuh dan jujur dalam melaksanakan tugas.

7. TANGGUNGJAWAB STAF

Staf bertanggungjawab melaksanakan tugas dan aktiviti Universiti berpandukan nilai teras dan Kod Etika UNIMAS. Nilai teras tersebut menyarankan agar setiap warga UNIMAS melaksanakan tanggungjawab secara keserakahan, berinovasi, tabah, ikhlas dan berintegriti.

Aktiviti utama Universiti yang perlu mendapat tumpuan yang tinggi adalah merangkumi pengajaran dan pembelajaran, pembangunan pelajar, pentadbiran dan pengurusan, penyelidikan, perundingan, pengkomersilan dan perkhidmatan.

Staf perlu memberi keutamaan kepada kepentingan Universiti dalam semua urusan. Mana-mana aktiviti seperti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, perundingan, pengkomersilan dan

perkhidmatan yang dilihat sebagai menyimpang daripada misi dan visi Universiti adalah dikategorikan sebagai tidak beretika.

- 7.1. Staf hendaklah menunjukkan sifat profesional dan berkemahiran serta berdaya saing yang tinggi, penuh dedikasi dan iltizam serta menggunakan kaedah dan ilmu terkini dalam melaksanakan tugas masing-masing.
- 7.2. Menghayati nilai-nilai murni yang mencerminkan peribadi mulia sebagai staf agar menjadi teladan dan inspirasi kepada warga Universiti dalam pembentukan sikap, akhlak, pemikiran serta prinsip hidup.
- 7.3. Menunjukkan daya usaha yang tinggi berasaskan kebijaksanaan, kreativiti dan inovasi bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang terbaik.
- 7.4. Mengoptimumkan sumber manusia, kemudahan, kewangan dan masa dalam melaksanakan tugas.
- 7.5. Berusaha secara berterusan untuk pembangunan diri dan kerjaya.
- 7.6. Menjalankan tugas dan aktiviti pada tahap yang terbaik dari semasa ke semasa.
- 7.7. Mewujudkan suasana kerja yang harmoni serta mengutamakan kerja berkumpulan.

8. AKAUNTABILITI

Dalam melaksanakan tugas, setiap staf dituntut dan hendaklah mematuhi prinsip-prinsip akauntabiliti kepada negara, Universiti, masyarakat, profesion, pelanggan dan pelajar.

8.1. Akauntabiliti Kewangan

Setiap warga UNIMAS hendaklah sentiasa mematuhi dasar dan garis panduan yang berkuatkuasa berhubung pengurusan kewangan.

9. KONFLIK KEPENTINGAN

9.1. Konflik kepentingan melibatkan konflik antara tanggungjawab awam dan kepentingan peribadi seseorang penjawat awam, di mana penjawat awam tersebut mempunyai kepentingan peribadi yang boleh mempengaruhi secara salah (*improperly influence*) dalam perlaksanaan tugas-tugas dan tanggungjawab beliau. Secara spesifik, konflik kepentingan boleh benar-benar berlaku atau secara tanggapan (*perceived*) atau berpotensi berlaku:

- 9.1.1. Benar-benar berlaku, melibatkan konflik antara tugas semasa dan tanggungjawab dan kepentingan sedia ada.
- 9.1.2. Secara tanggapan, konflik wujud di mana ia boleh dianggap sebagai kepentingan peribadi boleh mempengaruhi (secara salah) pelaksanaan tugas.
- 9.1.3. Berpotensi, boleh berlaku apabila kepentingan peribadi konflik dengan tugas umum.
- 9.1.4. Konflik kepentingan boleh berkait rapat dengan kewangan (sama ada melibatkan keuntungan atau kerugian) atau tidak melibatkan kewangan (berdasarkan permusuhan atau persahabatan). Konflik kepentingan boleh berlaku untuk

mengelakkan kerugian peribadi dan juga mendapatkan kelebihan peribadi, kewangan atau sebaliknya.

9.2. Termasuk dalam kepentingan peribadi ialah kepentingan yang melibatkan anak, suami/isteri, saudara dan sebagainya yang selepas ini diistilahkan sebagai saudara.

9.3. Saudara didefinisikan sebagai (Akta 694 SPRM 2009) :

9.3.1. Isteri atau suami orang itu.

9.3.2. Adik atau abang atau kakak orang itu.

9.3.3. Adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu.

9.3.4. Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah orang itu.

9.3.5. Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu.

9.3.6. Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan 9.3.2.

9.3.7. Bapa saudara, emak saudara, atau sepupu orang itu.

9.3.8. Menantu orang itu.

9.4. Untuk memastikan kepentingan universiti terjamin, individu yang mempunyai kepentingan kewangan, peribadi, kumpulan, parti politik dan persatuan perlu membuat pengisyiharan kepada Universiti apabila terdapat keadaan yang boleh mewujudkan konflik kepentingan

9.5. Peraturan dan polisi yang berkaitan adalah terdapat dalam dokumen berikut :

9.5.1. Tatacara Kewangan (Bendahari) – Pekeliling Pejabat Bendahari UNIMAS.

9.5.2. Polisi Harta Intelek UNIMAS.

9.5.3. Polisi Pembangunan dan Penyelidikan (R&D)

9.5.4. Polisi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

9.6. Contoh-contoh konflik kepentingan di Universiti :

9.6.1. Akademik.

9.6.1.1. Seseorang tidak boleh mengajar/menyelia mereka yang mempunyai ikatan kekeluargaan dengannya (seperti anak, isteri/suami, saudara dan sebagainya).

9.6.1.2. Seseorang tidak boleh melibatkan diri dalam penyediaan soalan peperiksaan, pengawasan peperiksaan serta apa jua jenis penilaian yang melibatkan saudara.

9.6.1.3. Penulisan bersama dan penyeliaan bersama saudara adalah dibolehkan selagi ia melibatkan kepakaran serta kerja sebenar yang disumbangkan oleh mereka yang terlibat.

9.6.2. Pentadbiran

9.6.2.1. Seseorang tidak boleh melibatkan diri dalam proses pelantikan jawatan, kenaikan pangkat dan penilaian prestasi tahunan saudara.

9.6.2.2. Seseorang tidak boleh terlibat dalam proses pembelian peralatan/bahan atau perkhidmatan daripada syarikat di mana saudara mempunyai kepentingan dalamnya.

9.6.3. Perundingan

9.6.3.1. Seseorang boleh melantik saudara dalam sebarang projek perundingan yang diketuainya atas dasar kepentingan awam dengan syarat bayaran yuran perundingan adalah berdasarkan kerja/kepentingan sebenar yang disumbangkan.

- 9.6.3.2. Ini adalah berbeza dengan perkara (9.6.1) dan (9.6.2) di mana hubungan perkara (9.6.1) dan (9.6.2) merupakan hubungan majikan pekerja atau pensyarah-mahasiswa manakala di sini hubungannya adalah dalam bentuk ahli dalam pasukan pakar.
- 9.6.4. Prosedur Pengurusan Isu Konflik Kepentingan Staf dikehendaki untuk melaporkan sebarang konflik kepentingan atau potensi konflik kepentingan yang berlaku kepada ketua PTj. Dalam kes-kes yang melibatkan ketua PTj, laporan boleh dikemukakan terus kepada jawatankuasa di atasnya.

10. KEWIBAWAAN PERIBADI

Staf hendaklah sentiasa menampilkkan kewibawaan peribadi yang tinggi merangkumi komitmen kepada kecemerlangan, akauntabiliti dalam amalan dan peranan serta sahsiah profesional diri yang boleh dicontohi, secara konsisten dan berkesan.

10.1. Penghayatan nilai-nilai luhur

Kesejahteraan dan kemantapan organisasi bergantung kuat kepada penghayatan nilai luhur sejagat oleh staf. Penerapan nilai ini dapat mengukuhkan keharmonian hubungan interpersonal, semangat kesejawatan dan kualiti hasil kerja.

10.2. Adab

Warga UNIMAS dikehendaki menyampaikan pandangan secara lisan atau bertulis dengan bersopan-santun serta beradab.

10.3. Kepatuhan kepada Undang-undang

Untuk menjamin keutuhan kewujudannya sebagai sebuah organisasi yang dinamik, staf bertanggungjawab supaya memahami, mengamal dan menerima pakai perkara seperti di bawah:

10.3.1. Konsep Rahsia, Sulit dan Terhad

Dalam menjalankan tugas, staf menerima dan menjana pelbagai maklumat Universiti yang berbentuk rahsia, sulit dan terhad. Adalah penting untuk staf berkenaan mematuhi undang-undang negara, peraturan dan polisi yang ada berkenaan dengan kerahsiaan walaupun staf telah meninggalkan perkhidmatan di Universiti.

10.3.2. Undang-undang, Peraturan, Polisi dan Pekeliling

Warga Universiti hendaklah menjalankan tugas mengikut undang-undang, peraturan, polisi dan pekeliling yang sedia ada, kemaskini dan yang akan digubal.

10.3.3. Tanggungjawab Kontrak

Hanya staf yang diberikan kuasa oleh Universiti dibenarkan menandatangani sebarang surat cara bagi pihak Universiti. Staf berkenaan mestilah sentiasa menjaga kepentingan Universiti dalam pelaksanaan surat cara tersebut.

10.3.4. Keselamatan Persekutaran Kerja dan Kesihatan

Warga Universiti hendaklah komited untuk menjaga keselamatan persekitaran kerja dan kesihatan dalam menjalankan tugas serta mematuhi dan mengamalkan semua peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan keselamatan persekitaran kerja dan kesihatan.

10.3.5. Piawaian dan Peraturan Bidang Profesional

Beberapa bidang profesional di Universiti mempunyai piawaian dan kod etika masing-masing. Contohnya kejuruteraan, sains dan teknologi. Staf yang juga merupakan pengamal bidang berkenaan hendaklah mematuhi polisi dan peraturan Universiti bersama piawaian dan kod etika bidang profesional masing-masing.

10.3.6. Peraturan Waktu Bekerja

Waktu bekerja di UNIMAS adalah seperti berikut:

10.3.6.1. Kumpulan Pengurusan & Profesional Bukan Akademik & Kumpulan Pelaksana:

Hari	Masa Bekerja	Waktu Rehat
Isnin - Khamis	8.00 pagi hingga 5.00 petang	1.00 petang hingga 2.00 petang
Jumaat	8.00 pagi hingga 5.00 petang	12.00 tengahari hingga 2.30 petang

10.3.6.2. Waktu bertugas Semasa Bulan Ramadhan Kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik) & Kumpulan Pelaksana adalah seperti berikut:

Hari	Masa Bekerja	Waktu Rehat
Isnin - Khamis	8.00 pagi hingga 4.30 petang	1.00 petang hingga 2.00 petang
Jumaat	8.00 pagi hingga 4.30 petang	12.15 tengahari hingga 2.15 petang

10.3.6.3. Kumpulan Pengurusan & Profesional Akademik
(termasuk Naib Canselor dan Timbalan-Timbalan Naib Canselor):

Hari	Masa Bekerja	Waktu Rehat
Isnin - Jumaat	Masa Flexi	Masa Flexi adalah masa kehadiran selain dari jam 8.00 pagi dan berakhir selepas 8 jam bertugas.

Nota :

Waktu bertugas di atas tidak meliputi waktu bertugas bagi staf yang bertugas secara giliran/shif. Sekiranya diperlukan, staf boleh diarahkan untuk bertugas lebih masa pada bila-bila masa yang diperlukan tertakluk kepada arahan Ketua Jabatan dari masa ke semasa. Staf adalah diwajibkan untuk merekod masa kedatangan dan balik bertugas dengan menggunakan kaedah seperti yang disediakan di setiap PTj masing-masing.

10.4. Kejujuran dan Kesaksamaan

Warga Universiti tidak boleh terlibat dalam apa-apa bentuk plagiarisme, penipuan, salah nyata secara sengaja, mencuri atau menipu. Salahguna dan penindasan sesama manusia tidak mengira pangkat, latar belakang, bangsa dan agama. Warga Universiti juga tidak boleh menyalahgunakan sumber Universiti atau sumber milik pihak lain yang diamanahkan dalam penjagaan Universiti.

10.5. Kebebasan Akademik

Staf akademik mempunyai tanggungjawab untuk meningkatkan dan menyebarluaskan ilmu dan kepakaran seterusnya berusaha ke arah kecemerlangan dalam pengajaran, penyelidikan, penulisan, perundingan dan perkhidmatan kepada anak bangsa. Mereka juga mempunyai tanggungjawab untuk mengambil bahagian secara aktif dalam malam aktiviti-aktiviti Universiti.

Kebebasan akademik adalah penting dan perlu untuk mencapai kecemerlangan akademik dan percambahan ilmu. Walau bagaimanapun, kebebasan berkaitan dengan aktiviti akademik sekiranya ia selari dengan tanggungjawab dan matlamatnya sebagai seorang ilmuan. Staf akademik yang terlibat hendaklah membezakan dengan jelas antara bidang kepakaran dan pandangan peribadi.

10.6. Penerimaan atau Pemberian Hadiah

Apa-apa penerimaan atau pemberian hadiah semasa menjalankan tugas hendaklah dimaklumkan dan mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Jabatan.

11. AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (2010) ‘WHISTLE BLOWER’

Warga Universiti boleh melaporkan salah laku yang berlaku di tempat kerja dan berhak mendapat perlindungan daripada dikenakan tindakan balas atau dijadikan mangsa oleh pihak tertentu.

12. PENYEBARAN FITNAH

Universiti menggalakkan sebarang laporan tentang perlanggaran Kod Etika. Walau bagaimanapun, Universiti tidak sama sekali menerima sebarang bentuk penyebaran fitnah dan penyebar fitnah akan dikenakan tindakan tegas.

Fitnah didefinisikan sebagai perbuatan yang boleh merendahkan diri seseorang pada mata masyarakat, tindakan yang boleh menyebabkan seseorang dicemuh, dihina, dibenci dan dikeji, perlakuan yang boleh merosakkan reputasi dalam jawatan, profesi dan perniagaan seseorang dan bertujuan merosakkan kredibiliti seseorang (Akta Fitnah 1957).

13. PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

Kod Etika ini adalah terpakai bagi apa-apa perlanggaran atas mana-mana peruntukan dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU), Akta Badan-badan Berkanun (Tataterbib dan Surcaj) 2000 dan lain-lain undang-undang yang terpakai di Malaysia selagi ianya tidak bercanggah dengan mana-mana undang-undang di atas. Sekiranya berlaku percanggahan ataupun pertindihan di antara peruntukan Kod Etika ini dengan undang-undang di atas, maka peruntukan undang-undang Malaysia adalah terpakai.

14. TINDAKAN KERANA PERLANGGARAN

Perlanggaran Kod Etika ini tidak menafikan hak atau menghalang Universiti daripada mengambil tindakan tatatertib terhadap staf di bawah Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

15. PENUTUP

Kod Etika UNIMAS ini hendaklah dihayati dan dijadikan panduan yang perlu diamalkan oleh semua warga UNIMAS secara bersungguh-sungguh demi mempertingkatkan kualiti diri sendiri, tempat kerja dan pencapaian profesion serta bersama-sama ke arah kecemerlangan Universiti.

16. RUJUKAN

- Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU)
- Manual Personel UNIMAS
- Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) Akta 2000 [Akta 605]
- Perlembagaan Universiti Malaysia Sarawak 2010 (Pindaan 2012)
- Pekeliling-pekeliling Perkhidmatan dan Surat-surat Pekeliling Perkhidmatan



Lampiran : Salinan Ikrar Integriti Korporat UNIMAS

**BAHAGIAN DASAR DAN INTEGRITI
PEJABAT PENDAFTAR**
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia.